



KENYATAAN MEDIA

SENARAI SEMAK/PANDUAN PEMILIHAN PENGASUH DI RUMAH

1. Kementerian mendapati masih terdapat hampir 90% TASKA yang tidak berdaftar dengan JKM. Kekurangan bilangan pengasuh yang berkelayakan juga memberi kesan terhadap jumlah TASKA yang berdaftar. Unjuran benci oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, menganggarkan jumlah kanak-kanak berusia 0 hingga 4 tahun pada tahun 2018 adalah seramai 2.3 juta orang. Berdasarkan statistik ini, sekiranya kita beranggapan bahawa 50% daripada kanak-kanak di Malaysia yang berusia 0 hingga 4 tahun memerlukan TASKA, maka negara kita memerlukan 38,333 buah TASKA bagi menampung jumlah kanak-kanak tersebut.
2. Statistik pendaftaran TASKA JKM menunjukkan bahawa bilangan TASKA yang berdaftar hanya berjumlah 4,378 buah sahaja (11%). Bilangan ini terlalu sedikit jika dibandingkan dengan keperluan TASKA di dalam negara kita. Kekurangan bilangan pengasuh berkelayakan dan bilangan TASKA berdaftar akan turut memberi implikasi kepada kualiti pengasuhan dan keselamatan anak-anak kita.
3. Kementerian sentiasa bekerjasama dan mendapatkan maklumbalas dari pemegang taruh (*stakeholders*) antaranya dari Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), *Early Childhood Care and Education* (ECCE) dan beberapa pihak yang lain. Kami berpendirian adalah sesuatu yang mustahil untuk menguatkuasakan peraturan ke atas pengasuh dari kalangan ahli keluarga atau

rakan yang menjaga kurang daripada 3 orang kanak-kanak kerana skop untuk mengawal selia terlalu luas dan tidak praktikal.

4. Bagi membantu ibu bapa yang akan menghantar anak-anak mereka ke rumah pengasuh, Kementerian menyediakan satu senarai semak kualiti pengasuh di rumah berbentuk infografik yang boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa sebelum dan selepas menghantar anak mereka kepada pengasuh. Infografik ini adalah mekanisma yang berbentuk sementara sebelum sistem semakan yang komprehensif yang sedang dibangunkan oleh Kementerian siap sepenuhnya. Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), *Early Childhood Care and Education* (ECCE) dan beberapa doktor pakar juga turut terlibat dalam menghasilkan infografik ini.
5. Kementerian ini menyeru kepada semua khususnya ibu bapa agar menjadi lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu semasa dan info-info terkini yang disalurkan oleh Kementerian terutamanya mengenai isu keselamatan kanak-kanak. Ibu bapa juga dinasihatkan untuk segera melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan atau menyalahi undang-undang yang berlaku di TASKA ataupun di rumah pengasuh dengan menghubungi Talian Kasih 15999.

###

**YB PUAN HANNAH YEOH
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
23 NOVEMBER 2018**